

Headline	Bekalan elektrik kembali pulih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	13
ArticleSize	46 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,727		



Bekalan elektrik kembali pulih

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Situasi bekalan elektrik di kebanyakan kawasan di Terengganu dan Pahang kini kembali pulih.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan berkata, hanya beberapa kawasan yang masih bergantung kepada set-set janakuasa.

“Sejumlah lima set janakuasa disalurkan ke Pahang, iaitu Kuantan satu set dan Triang serta Pekan masing-masing dua set.

“Hanya satu set janakuasa disalurkan ke Kemaman, Terengganu,” kata kenyataan itu, di sini hari ini.